

20 NOV 1998

Krisis-Aids/I

MEKANSIME PENYENARAIAAN DAPAT ELAKKAN DISKRIMINASI TERHADAP PENGHIDAP AIDS

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Seorang ahli ekonomi Bank Dunia hari ini menyarankan sektor swasta Malaysia menubuhkan "mekanisme penyenaiaan" bagi memastikan masyarakat peniaga dapat memainkan peranan yang lebih efektif dan bertanggungjawab dalam menangani wabak AIDS.

Dr Mead Over berkata dengan adanya sistem itu, firma-firma akan lebih bertanggungjawab dalam soal pemecatan kakitangan yang menghidap AIDS atau dasar lain yang berkaitan dengan sindrom itu.

"Harapan kami ialah firma-firma dapat bekerjasama sebagai satu majlis perniagaan untuk mengatasi AIDS. Dengan menubuhkan mekanisme penyenaiaan yang memberikan perkadaran mengikut sistem kod, keprihatinan firma terhadap masalah itu akan dinilai berdasarkan markah yang diberikan kepadanya," katanya pada ceramah anjuran Institut Kajian Strategik Dan Antarabangsa (ISIS), di sini.

Dr Over berkata menerusi sistem itu, firma yang didapati tidak peka terhadap AIDS akan diberi perkadaran rendah, yang menunjukkan sikap dan tanggungjawab sosial sebenar mereka dalam menangani masalah dunia itu.

Menurutnya sistem itu sebenarnya dapat menggalakkan semua firma atau syarikat untuk bekerjasama dan mendapatkan maklumat lengkap mengenai dasar yang sepatutnya mereka laksanakan untuk AIDS terutama berkaitan kedudukan kakitangan yang menghidapi sindrom itu.

Dr Over berkata syarikat-syarikat Malaysia yang berurusan dengan dasar-dasar berkaitan AIDS boleh mengambil contoh daripada sektor swasta di negara-negara maju yang serius dengan dasar berkenaan demi menjaga reputasi dan kepentingan perniagaan mereka.

"Bagi sektor swasta, ini adalah satu proses jangka panjang. Mereka perlu mengutamakan bukan sekadar untuk mendapatkan sokongan pelabur tetapi juga untuk pembentukan imej positif di mata umum," katanya.

Beliau berkata kegawatan ekonomi kini yang melanda banyak negara di Asia memerlukan negara-negara berkenaan meningkatkan usaha pencegahan AIDS termasuk menggalakkan amalan seks secara sihat dan memberi subsidi kepada penduduk miskin sebagai langkah mengelak meningkatnya kes AIDS.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (AIDS dan Penyakit Berjangkit Seksual) Kementerian Kesihatan, Dr C. P. Senan, berkata peruntukan kerajaan untuk program-program AIDS telah dipotong sebanyak 50 peratus iaitu daripada RM40 juta kepada RM20 juta, berikutan masalah ekonomi kini.

Kira-kira 50 orang menghadiri sesi ceramah "Krisis Kewangan, Kesihatan dan AIDS" itu, yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah ISIS, Dr Zainal Aznam Yusof. Turut hadir ialah Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

-- BERNAMA

RV NAK